

Makalah/Article

Pembinaan Institusi Wakaf Kesehatan di Istanbul pada Tahun 1470M (Hospital Fatih)

Establishment of Health *Waqf* Institution (Fatih Hospital) in Istanbul in the Year 1470CE

NUR AINUL BASYIRAH ALIAS
ERMY AZZIATY ROZALI

ABSTRAK

Kerajaan 'Uthmaniyyah yang bertahan selama lebih tujuh abad menyediakan pelbagai infrastruktur untuk kegunaan masyarakat yang diwujudkan melalui dana wakaf. Satu daripada institusi wakaf yang dibina ialah Hospital Fatih yang dibangunkan dalam kompleks Fatih, Istanbul selepas Sultan Mehmet II membuka kota itu pada tahun 1453M. Walau bagaimanapun, terdapat kenyataan yang mendakwa institusi wakaf ini hanya berfungsi dalam memberi rawatan kepada golongan miskin sahaja. Bahkan terdapat juga pandangan yang menyatakan institusi wakaf tersebut memberikan perkhidmatan yang kurang memuaskan serta bertujuan untuk menunjukkan kekayaan pemerintah. Kenyataan ini bercanggah dengan kenyataan lain berkaitan kompleks Fatih yang memberi gambaran sebaliknya kepada dakwaan tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti persoalan berkaitan sejarah institusi wakaf kesihatan, iaitu Hospital Fatih dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan juga meneliti dana wakaf yang disalurkan kepada institusi kesihatan ini. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah, manakala kaedah pengumpulan data pula menggunakan kaedah analisis dokumen. Maklumat dan data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber dianalisis menggunakan kaedah deduktif. Hasil kajian ini mendapati hospital ini mempunyai dana wakaf yang khusus diberikan untuk menjalankan operasinya. Di samping itu, terdapat dokumen wakaf yang mencatatkan tugas-tugas dan gaji harian para pekerja di hospital. Sumbangan kajian ini dapat memberi pengetahuan berkaitan institusi kesihatan wakaf yang wujud dalam tamadun Islam, memberikan idea untuk menubuhkan institusi wakaf ini di Malaysia.

Kata kunci: Tamadun Islam; perubatan; hospital wakaf; kerajaan 'Uthmaniyyah

ABSTRACT

The Ottoman Government which lasted for seven centuries built various infrastructure for the benefit of society by utilising waqf funds. One of the waqf institutions established was Fatih Hospital which was built in Fatih Complex, Istanbul after Sultan Mehmet II founded the city in the year 1453CE. However, another statement claims that this waqf institution only functioned in treating the poor. There is even another view which states that this waqf institution gave less than satisfactory service and was only for the purpose of showing government's wealth. This statement conflicts with another statement relating to the Fatih Complex which presents a contrasting picture to the claim. Thus, this research is conducted to study the issue relating to the history of the health institution, namely Fatih Hospital, in giving health services to society and to examine the waqf fund channelled to this health institution. This research uses a qualitative method in the form of a historical study, while data collection uses a document analysis method. Information and data collected from various sources are analysed using a deductive method. Research results find that this hospital has a specific waqf fund provided for running its operations. In addition, there are waqf documents which state the daily duties and remuneration of hospital staff. This research hopes to provide information relating to health institutions which existed in the Islamic civilization as well as give an idea of establishing waqf institutions in Malaysia.

Keywords: Islamic civilization; medical; waqf hospital; Ottoman government

PENGENALAN

Dalam membangunkan semula Istanbul, Sultan Mehmet II sangat mengambil berat soal kebajikan rakyatnya. Beliau mengambil inisiatif untuk membina beberapa infrastruktur dan bangunan yang

memungkinkan rakyat dapat mengambil manfaat daripadanya. Selain itu, beliau juga menginginkan Istanbul menjadi sebuah bandar yang membudayakan ilmu sains dan kesenian, di samping menjadi tempat yang aman bagi semua penganut agama yang berbeza-beza. Hasrat ini disambut baik oleh

sarjana dan para pelukis dari seluruh pelosok dunia, yang kemudiannya mereka membanjiri Istanbul pada waktu itu (Günüç 2007: 14). Oleh itu, melalui institusi wakafnya, Sultan Mehmet II menubuhkan sebuah kompleks yang dikenali sebagai Kompleks Fatih. Dalam sebuah dokumen wakaf kompleks ini, beliau menyatakan pembinaan semula Istanbul ialah untuk mengembirakan rakyat dan perlu dikekalkan kesejahteraannya (Yediyıldız & Öztürk 1996: 3). Selain itu, Saoud (2004: 3) menyatakan Kompleks Fatih merupakan satu daripada kompleks terawal dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah yang perlu diberikan perhatian dan penting untuk dikaji. Justeru, ini membuktikan pembinaan kompleks ini adalah amat signifikan dengan nilai kebajikan yang ingin diberikan kepada rakyat Istanbul melalui institusi wakaf daripada pemerintah.

CAKUPAN HOLISTIK KAJIAN

Permasalahan kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Sayili (1941), Saoud (2004), Yediyildiz (2000), Kahya & Erdemir (1997) dan Mansel (2011) yang memerihalkan perkembangan sains, terutama dalam bidang perubatan serta perkembangan institusi wakaf. Ini kerana Hospital Fatih merupakan hospital wakaf pertama yang dibina di Istanbul ketika bandar itu menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan ‘Uthmāniyyah. Dengan demikian, ini membuka ruang kajian lanjutan dan mendalam berkaitan operasi dan aktiviti Hospital Fatih hasil dana wakaf dan sumbangannya terhadap masyarakat. Tambahan pula, kajian berkenaan Hospital Fatih secara mendalam dan terperinci sebagai sebuah institusi kebajikan kesihatan percuma adalah masih terhad dan umum. Oleh itu, kajian ini mengumpulkan semua maklumat terperinci berkaitan hospital ini dengan menumpukan pada dua tema, iaitu sejarah penubuhan Hospital Fatih serta fungsi dan sumbangan Hospital Fatih pada ketika itu. Dua aspek penting ini digabungkan menjadi sebuah kajian yang berbeza daripada kajian-kajian yang pernah dibuat sebelum ini. Persoalan kajian yang dikemukakan berdasarkan pernyataan masalah tersebut ialah:

1. Bagaimanakah sejarah pembangunan institusi wakaf kesihatan di Hospital Fatih, Istanbul?
2. Apakah sumber kewangan dan dana yang disalurkan kepada Hospital Fatih, Istanbul?
3. Apakah fungsi serta sumbangan yang diberikan oleh Hospital Fatih kepada masyarakat?

Oleh yang demikian, bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Meneliti sejarah pembangunan institusi wakaf kesihatan di Hospital Fatih, Istanbul.
2. Menganalisis sumber kewangan dan dana Hospital Fatih.
3. Menilai fungsi dan sumbangan yang diberikan oleh Hospital Fatih kepada masyarakat.

Metode kajian bagi penulisan berbentuk kajian kualitatif ini dibahagikan kepada tiga, iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data:

1. *Reka Bentuk Kajian*. Reka bentuk kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian sejarah. Kajian ini mengkaji dan menganalisis institusi kebajikan kesihatan percuma di Turki dengan memfokuskan Hospital Fatih di Istanbul sebagai contoh dari tiga aspek, iaitu sejarah awal penubuhan, faktor penggerak kepada hospital ini untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada masyarakat dan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh hospital pada waktu itu. Sumber utama yang digunakan dan menjadi asas kajian ini terdiri daripada artikel, buku dan jurnal berkaitan institusi kebajikan kesihatan percuma yang menyebut Hospital Fatih di Istanbul sebagai contoh.
2. *Kaedah Pengumpulan Data*. Kaedah analisis dokumen digunakan sepanjang kajian sejarah ini berlangsung bertujuan untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan dengan Hospital Fatih. Manakala dalam mendapatkan data dan maklumat tentang Hospital Fatih, kajian ini memperoleh sumber berkaitan ekonomi, sosial dan keadaan Istanbul ketika hospital tersebut ditubuhkan sekitar tahun 1470M dalam bentuk tekstual dan gambar. Oleh itu, kajian ini menggunakan sumber-sumber primer dan sekunder di Turki yang diperoleh daripada perpustakaan IRCICA, perpustakaan Suleymaniye dan perpustakaan ISAM yang terletak di Istanbul. Manakala, kajian ini juga mengambil sumber sekunder dari Malaysia yang didapati daripada Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, penulis turut mendapatkan sumber dari Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur, di samping sumber tambahan daripada

Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, Institut Pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas (ISTAC), *Istanbul Research Centre for Islamic History, Art and Culture* (IRCICA), *Fatih Library* dan *Süleymaniye Library*.

3. *Kaedah Penganalisisan Data*. Kajian ini juga menggunakan pendekatan deduktif dalam kaedah menganalisis bahan-bahan bertulis melalui media elektronik seperti buku, manuskrip, artikel jurnal, ensiklopedia, tesis, latihan ilmiah, pamflet, laporan dan makalah yang berautoriti dalam membekalkan maklumat berkenaan kajian ini. Bahan-bahan yang diperoleh ini menggunakan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Turki dan bahasa Arab. Proses penterjemahan bahan-bahan ini dilakukan dengan teliti mengikut makna yang dimaksudkan.

KUPASAN TINJAUAN LITERATUR

Setelah dianalisa dan diteliti, penulis mendapati terdapat kajian-kajian lepas yang dilakukan berkaitan Hospital Fatih, namun masih tidak terdapat kajian yang menggabungkan dua aspek penting, iaitu sejarah penubuhannya serta fungsi dan sumbangan hospital ini kepada masyarakat ketika itu. Malah, hampir semua kajian lepas berkenaan institusi kebajikan kesihatan percuma hanya menyentuh secara umum berkaitan Hospital Fatih.

Inalcik (1973) mengulas tentang pemerintahan kerajaan ini secara menyeluruh pada tiga abad pertama ia ditubuhkan. Karya ini terbahagi kepada empat bahagian penting dalam membincangkan tentang kerajaan ‘Uthmaniyyah sekitar tiga abad lamanya. Pertama, ia berkisar tentang sejarah penubuhan awal kerajaan ‘Uthmaniyyah yang dipimpin oleh Sultan ‘Uthman I bermula daripada satu kabilah kecil hingga berjaya mewujudkan kerajaan yang digeruni. Penulisan ini turut mencatatkan banyak peperangan yang berlaku dalam usaha pemerintah kerajaan ini untuk memperluaskan kuasa mereka. Kedua, sistem negara seperti undang-undang dan polisi yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Bahagian ketiga pula menyentuh soal ekonomi dan social, manakala bahagian keempat membincangkan hal keagamaan serta budaya pada ketika itu. Kelebihan buku ini dilihat dari aspek huraian yang kemas pada setiap peristiwa yang berlaku dalam tempoh tiga dekad pertama kerajaan ini bertapak. Selain itu, isu dan kontroversi wakaf dan tanah wakaf pada zaman pemerintahan Sultan Mehmet II turut diketengahkan. Penulisan ini mungkin lebih sesuai bagi pengkaji

sejarah kerajaan ‘Uthmaniyyah yang tertumpu kepada peperangan dan pentadbiran. Ini kerana skop perbincangan wakaf tidak begitu banyak dan penulis hanya menyentuh secara umum sahaja.

Sementara Jones (1981) membincangkan perihal peranan wakaf dalam menjadi faktor menggerakkan sesebuah hospital atau klinik dalam dunia Islam. Selain itu, penulisan ini turut memuatkan penerangan berkaitan pembinaan institusi wakaf yang bertujuan untuk mengagihkan sumber wakaf kepada hospital dan klinik. Kekuatan makalah ini ialah dari aspek penjelasan berkenaan institusi wakaf yang diiktiraf sebagai faktor penggerak pusat kesihatan dan ini termasuk Hospital Fatih di Istanbul. Namun begitu, makalah ini sebaiknya dapat memasukkan penerangan spesifik berkaitan jenis wakaf yang diberikan kepada Hospital Fatih, sama ada dalam bentuk wakaf tunai, wakaf tanah atau sebagainya sehingga dapat memberikan perkhidmatan percuma kepada masyarakat.

Seterusnya, karya Babinger (1992) yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Ralph Manheim turut menyingkap kehidupan, pemerintahan dan peristiwa penting dalam hidup Sultan Mehmet II, iaitu sultan ketujuh dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Buku ini menyorot kehidupan beliau dari lahir sehingga meninggal dunia, yang mencakupi siri peperangan yang disertai beliau. Penulisan ini juga menyatakan aspek pembinaan kompleks Fatih dan keinginan beliau dalam menjadikan Istanbul sebagai bandar keilmuan, kesenian dan perkembangan sains. Kelebihan penulisan ini ialah ia membincangkan perihal penyakit dan wabak yang melanda Istanbul pada abad ke-15M. Secara tidak langsung, wabak ini mempunyai kaitan dengan kewujudan institusi wakaf kesihatan pada ketika itu. Namun begitu, aspek penelitian dalam penghuraian maklumat tentang fungsi hospital wakaf bagi membendung wabak ini sewajarnya ditonjolkan.

Öztürk (2000) pula merungkaikan perbincangan institusi wakaf dalam kerangka polisi sosial dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Ulasan yang dipaparkan ialah berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan penubuhan institusi wakaf ini sehingga penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa. Malah aktiviti dan sumber wakaf ini direkodkan oleh pemerintah demi memastikan ia telus dan berjalan dengan lancar. Namun, rujukan kepada aspek dana wakaf dan polisi Hospital Fatih adalah terhad. Akan tetapi, ia turut menyentuh sebahagian sumber wakaf yang direkodkan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah.

Sementara itu, Düzbakar (2006) menyatakan satu sisi lain dalam wakaf kesihatan, iaitu ia diasaskan

oleh wanita bangsawan. Artikel ini turut menyatakan bilangan institusi yang disenaraikan sebagai institusi wakaf. Penulis membawakan beberapa sumber primer dalam dan menyatakan secara jelas dana wakaf yang dikeluarkan oleh Hospital Nurbanu dalam menjalankan aktiviti kebajikannya. Penulis turut mengupas sejarah dan struktur binaan hospital ini dengan terperinci. Selain itu, dijelaskan beberapa jawatan-jawatan penting dalam hospital ini seperti pakar perubatan, pakar bedah, ahli farmasi, ahli herba, dan imam. Namun begitu, secara keseluruhan artikel ini tidak menyentuh tentang perkembangan atau dana wakaf yang membiayai Hospital Fatih.

Di samping itu, Isin dan Üstündag (2008) menerangkan perihal penglibatan wanita dalam hal-ehwal berkaitan kebajikan kepada masyarakat melalui institusi wakaf yang ditubuhkan oleh mereka sendiri. Umum mengetahui wanita Muslim merupakan wanita yang menjaga hal rumah tangga, malah mereka juga mampu untuk keluar berbakti kepada masyarakat. Kajian ini juga mengupas bukan sahaja wanita golongan kebanyakan yang menjadi pekerja di pusat-pusat kebajikan, ia turut menyentuh jasa wanita golongan bangsawan yang mengasaskan beberapa kompleks di Istanbul seperti Haseki Hürrem *Küllüye* dan Atik Valide *Küllüye*. Kedua-dua kompleks ini menempatkan beberapa kemudahan seperti hospital wanita, dapur awam serta sekolah. Namun, artikel ini hanya menekankan aspek operasi dan penglibatan wanita dalam menguruskan kebajikan dalam masyarakat tanpa menyentuh penglibatan golongan ini di Hospital Fatih secara khusus.

Selain itu, kajian Ihsanoglu (2008) menghuraikan tentang aktiviti pengkajian sains, penyelidikan, astronomi dan perubatan yang dilakukan pada zaman Turki ‘Uthmaniyyah dan ia terbahagi kepada dua, iaitu era moden Turki ‘Uthmaniyyah dan era pemerintahan Saljūq. Selain itu, dinyatakan tentang penulisan kajian sains yang ditemui dalam bahasa Turki, Rom, Greek, Arab, dan Parsi. Di samping terdapat keterangan berkaitan institusi kebajikan kesihatan pada zaman Turki ‘Uthmaniyyah seperti Hospital Fatih, Hospital Süleymaniye, Hospital Bayezid II dan Hospital Haseki. Artikel ini juga menyatakan institusi wakaf yang telah membiayai hospital, sekolah perubatan dan beberapa lagi perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat secara percuma. Selanjutnya, perbincangan menyentuh aspek perkembangan dalam bidang perubatan, astronomi dan penulisan kajian saintifik semakin diperluas pada kurun ke-14M dengan kedatangan orang-orang Islam, Kristian dan Yahudi yang telah dihalau pemerintah di Andalus. Kelebihan artikel ini ialah apabila pengkaji menyorot

kembali sejarah bidang sains yang bertapak di Turki pada awal kurun ke-14M. Namun artikel ini hanya menjelaskan Hospital Fatih sebagai contoh institusi kebajikan kesihatan percuma secara umum.

Sayili (1941) pula meneliti perihal institusi sains dalam dunia Islam yang meliputi bidang perubatan dan astronomi. Ia juga membincangkan pembangunan institusi sains dalam masyarakat Islam sejak zaman pemerintahan Banu Umayyah. Tesis ini turut menyorot peristiwa pembinaan beberapa institusi sains di Mesir, Turki dan Baghdad yang pada ketika itu pesat membangun dengan keilmuan sains dan teknologi. Penulis melihat kekuatan tesis ini dari aspek pendedahannya tentang institusi sains, termasuk Hospital Fatih yang menjadi sebuah institusi perubatan yang hebat pada awal zaman khilafah Turki ‘Uthmaniyyah. Namun tiada penjelasan yang lebih mendalam berkaitan Hospital Fatih dari segi sejarah penubuhan dan fungsinya.

Barnes (1987) pula menerangkan institusi keagamaan pada zaman Turki ‘Uthmaniyyah, iaitu seperti madrasah atau tempat pengajian Islam yang dibiayai oleh institusi wakaf atau pembiayaan daripada sultan. Buku ini juga menerangkan institusi wakaf yang telah membiayai sebuah madrasah yang terdapat di dalam kompleks Fatih. Madrasah ini digunakan untuk mempelajari hal-ehwal agama dan mata pelajaran lain seperti sains perubatan. Secara tidak langsung, institusi wakaf ini telah membiayai sebahagian kecil dari aktiviti Hospital Fatih yang juga berfungsi sebagai sekolah perubatan. Kelebihan buku ini ialah kerana terdapat kenyataan berkaitan sumber kewangan lain selain wakaf, yang menjadi penggerak hospital dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Namun penulis hanya menyatakan data-data yang umum berkaitan wakaf di dalam buku ini.

Yediyıldız dan Öztürk (1996) pula menyentuh tentang teori negara yang baik oleh al-Farabi dan mengaitkannya dengan sistem wakaf yang dilaksanakan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Mereka menyertakan contoh-contoh pembangunan wakaf yang berada di bawah kerajaan tersebut. Terdapat sedikit maklumat tentang Hospital Fatih dan unit-unit dalam kompleks Fatih yang ditulis dalam artikel ini. Namun begitu, penulisan ini lebih menjurus kepada pembinaan negara ideal dengan menonjolkan wakaf sebagai hal yang sangat penting untuk dilaksanakan. Sementara itu, Kahya dan Erdemir (1997) membincangkan perihal perkembangan sains perubatan dalam kerajaan Saljūq dan kerajaan ‘Uthmaniyyah. Ini termasuk perbincangan berkaitan pembinaan institusi sains perubatan seperti hospital

dan madrasah yang diwujudkan bagi menggalakkan aktiviti saintifik. Turut dinyatakan ialah tokoh-tokoh perubatan dan doktor yang bertugas di istana atau hospital dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Penulis melihat kelebihan buku ini ialah dari sudut maklumat berkaitan gaji harian para pekerja Hospital Fatih dan sedikit pengetahuan tentang sekolah perubatan yang diwujudkan seiring dengan hospital. Namun begitu, penulisan ini tidak mencakupi semua sudut hospital seperti dana wakaf yang membiayainya.

Selain itu, Yediyildiz (2000) menyatakan tentang institusi wakaf yang banyak membiayai kerja-kerja kebajikan dalam kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah. Melalui harta wakaf yang diberikan, pelbagai binaan seperti *külliye*, iaitu di dalamnya terdapat masjid, dapur awam, hospital, tempat mandi awam dan prasarana lain. Selain itu, ditonjolkan juga sebuah kajian lain yang dilakukan khusus tentang impak Fatih *külliye* dari segi struktur fizikal, situasi ekonomi, pentadbiran dan pelbagai perkara lain. Namun, artikel ini tidak menyatakan secara khusus tentang transaksi wakaf yang dilaksanakan di Hospital Fatih.

Sari (2005) pula menekankan tentang latihan dan pengajaran yang diberikan kepada bakal doktor dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Beliau turut menulis tentang aktiviti di dalam Hospital Fatih. Antaranya ialah seperti melatih pelajar perubatan untuk menjadi doktor. Selain itu, dinyatakan kemudahan yang didapati oleh para pelajar ini ketika belajar di Hospital Fatih serta kewujudan panggilan khusus yang diberikan kepada guru dan pelajar sekolah perubatan yang dilatih. Penulis menyebut para doktor di istana juga merupakan pakar perubatan di Hospital Fatih dan Hospital Suleymaniye. Namun begitu, penulis tidak menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan bagaimana Hospital Fatih melatih para pelajar sekolah perubatannya sebelum lulus untuk menjadi doktor. Selain itu, penulisan Toraman, Tuncsiper dan Yilmaz (2007) menjelaskan tentang penggunaan wakaf tunai pada zaman kerajaan ‘Uthmaniyyah yang rata-ratanya digunakan dalam institusi kebajikan. Cara wakaf tunai ini termasuk diaplikasikan dalam pembinaan kompleks atau disebut *külliye* bermula pada abad ke-15M. Artikel ini juga menerangkan sumbangan wakaf tunai dalam membangunkan kehidupan sosial dan ekonomi negara. Selain itu aspek kaedah pengiraan yang digunakan dalam wakaf tunai dan gambar asli buku kira-kira wakaf tunai pada zaman ‘Uthmaniyyah turut disoroti. Namun, kajian ini tidak menyebut secara jelas kaedah wakaf tunai ini diaplikasikan oleh Hospital Fatih.

Ayduz (2007) mengkaji tentang perkembangan sekolah perubatan Suleymaniye dalam sejarah

perubatan kerajaan ‘Uthmaniyyah. Beliau menjelaskan aspek sejarah sekolah perubatan ini serta kejayaannya menjadi sebuah institusi perubatan yang hebat hingga sekarang. Selain itu, dijelaskan juga tentang beberapa pakar perubatan yang dilatih di sekolah perubatan ini telah dihantar untuk bertugas di Hospital Fatih. Artikel ini juga menyebut tentang kaedah pengajaran, pentadbiran dan dana yang didapati untuk membiayai sekolah perubatan ini. Menariknya, sekolah perubatan ini bukan sahaja ditubuhkan sebagai satu bangunan, tetapi ia bersambungan dengan hospital dalam kompleks yang sama. Namun begitu, artikel ini hanya menjelaskan beberapa aspek sahaja berkaitan Hospital Fatih yang boleh disentuh secara umum.

Di samping itu, kajian Shefer-Mossensohn (2009) memaparkan pelbagai sejarah perubatan zaman Turki ‘Uthmaniyyah dan Timur Tengah pada ketika itu. Ia bukan sahaja menyentuh perubatan moden, tetapi juga membincangkan tentang perubatan alternatif yang dikenali sebagai *religious medicine*. Selain itu, Mossensohn turut menulis kaitan yang erat antara bidang perubatan dengan sosial dan ekonomi pada waktu itu. Hal ini menyebabkan rakyat di bawah naungan Turki ‘Uthmaniyyah hidup sejahtera dan mentaati pemerintah yang berkuasa. Di samping itu, terdapatnya institusi wakaf yang membiayai hospital dalam memberikan perkhidmatan percuma kepada masyarakat tidak mengira latar belakang dan warna kulit. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dipertikaikan tentang hospital percuma ini, antaranya ialah tahap kualiti perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat. Kelebihan buku ini ialah ia memberi gambaran tentang institusi kebajikan kesihatan percuma yang pernah ditubuhkan pada zaman Turki ‘Uthmaniyyah, namun aspek perbincangan sejarah institusi kebajikan kesihatan ini secara terperinci lebih-lebih lagi sejarah Hospital Fatih kurang diberi penelitian.

Kajian Ayduz (2012) menyatakan bahawa hospital di Turki, termasuk Hospital Fatih menggunakan muzik dalam perawatan mereka kepada pesakit mental yang didera dan diseksa di Eropah. Hal ini menunjukkan Hospital Fatih juga menyediakan khidmat kesihatan kepada para pelarian yang mahu mendapatkan perlindungan di Turki pada zaman Sultan Mehmet II. Di samping itu, beliau menyatakan tentang pembinaan Hospital Fatih di dalam kompleks Fatih yang menempatkan juga kolej, mektep (sekolah agama bagi kanak-kanak), dapur awam dan bangunan sekitarnya. Bukan sahaja bidang perubatan yang disentuh dalam artikel ini, bahkan juga bidang astronomi dan geografi. Kelebihan artikel ini ia menghuraikan aspek tokoh yang terlibat dalam

memajukan bidang sains dan teknologi zaman Turki ‘Uthmaniyyah. Selain itu, dinyatakan juga beberapa bangunan yang dibina pada ketika itu, contohnya seperti *observatory*, *madrassa* dan *hospital* sebagai kemudahan untuk melakukan kajian. Namun begitu, aspek huraian yang umum tentang Hospital Fatih sebagai sebuah institusi kebajikan kesihatan percuma pada zaman Turki ‘Uthmaniyyah kurang disentuh.

Selain itu, artikel Gürbüz (2012) mengupas peranan wakaf dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah dan masyarakatnya. Pengkaji menggambarkan sistem wakaf sebagai suatu yang dapat meringankan bebanan kerajaan dalam menyediakan kemudahan kepada rakyat. Penulisan ini juga menyebutkan beberapa contoh binaan wakaf seperti kompleks Fatih dan kompleks Suleymaniye. Malah, hospital-hospital wakaf juga disebut secara umum sahaja. Turut dibincangkan dalam artikel ini ialah pelaksanaan sistem wakaf di wilayah Balkan di bawah pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah. Seiring dengan peranan wakaf yang memberi manfaat buat rakyat, ia juga tidak lari daripada kontroversi berkaitan pengurusan terutamanya tanah yang dijadikan tanah wakaf. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak menyebut dan mengupas secara terperinci berkaitan hospital wakaf, terutama Hospital Fatih.

Penulisan karya Inalcik (2012) menjelaskan perihal harta wakaf pada zaman Sultan Mehmet II yang berbentuk rumah dan bangunan. Ia merangkumi catatan harta wakaf di Istanbul dan Galata berserta nama pemilik asalnya pada abad ke-15M. Karya ini turut menganalisis teks asal rekod *jizyah*, surat *Akşemseddin* kepada Sultan Mehmet II, catatan populasi penduduk Istanbul dan Galata, akaun wakaf Masjid Hagia Sophia, biografi sejarawan Sultan Mehmet II, iaitu Tursun Beg dan dokumen asal pembahagian kawasan di Istanbul dan Galata selepas Islam berjaya menguasainya pada tahun 1453M. Kelebihan buku ini ialah ia menyorot tentang harta wakaf dalam pemerintahan Sultan Mehmet II, termasuk kompleks Fatih. Namun ketiadaan penjelasan secara mendalam tentang dana wakaf yang diperuntukkan untuk Hospital Fatih beroperasi adalah nyata pada karya ini.

Berkaitan sumbangan Hospital Fatih kepada masyarakat, Erdal dan Erbaş (2013) telah mengulas tentang kaedah rawatan menggunakan muzik yang diguna pakai oleh hospital di Turki, Anatolia dan Saljūq. Kaedah ini telah digunakan sejak zaman Turki Lama kira-kira 6,000 tahun dahulu. Tetapi ia digunakan bukan mengikut cara rawatan yang dianjurkan Islam. Apabila Islam diterima pada zaman kerajaan ‘Uthmaniyyah, segala amalan lama digantikan dengan

rawatan menggunakan muzik mengikut syariat Islam. Artikel ini mempunyai kelebihan kerana ia turut menghuraikan dua tokoh penting dalam keilmuan muzik yang berkait rapat dengan perubatan, iaitu al-Farabi dan Ibnu Sina. Kedua-dua mereka menyatakan terdapat fungsi muzik dalam mengubati pesakit. Begitu juga dinyatakan beberapa hospital yang menggunakan jenis rawatan ini kepada para pesakit dan ini termasuklah Hospital Fatih di Istanbul. Namun artikel ini hanya menyentuh serba sedikit tentang Hospital Fatih dalam menggunakan kaedah muzik dalam merawat pesakit.

Selain daripada rawatan biasa, hospital dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah juga menyediakan rawatan untuk pergigian. Çolaklar (2014) menyatakan tentang perkembangan ilmu pergigian dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah bermula abad ke-13M sehingga abad ke-19M. Penulis juga menyebut tentang beberapa nama pakar perubatan yang terkenal dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah seperti Şerefattin Sabuncuoğlu dan Hacı Paşa. Isi kandungan karya perubatan *Cerrâhiyyetü'l-Hâniyye* juga dikupas serba sedikit oleh penulis dengan menyentuh bahagian rawatan pergigian. Penulis juga menjelaskan secara umum berkaitan perkembangan ilmu pergigian pada setiap abad. Malah menyebut beberapa institusi wakaf kesihatan seperti Hospital Fatih dan Hospital Suleymaniye sebagai contoh institusi yang mempraktikkan ilmu ini di dalam hospital mereka. Namun, artikel ini hanya menyatakan serba ringkas sahaja berkaitan Hospital Fatih dan rawatan yang dijalankan di dalam hospital.

INSTITUSI WAKAF KESIHATAN DALAM KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH

Institusi wakaf terutama wakaf kesihatan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah melalui sejarah yang panjang sejak awal penubuhannya hingga sekarang. Ia ditubuhkan oleh pemerintah atau orang perseorangan melalui kaedah wakaf bertujuan untuk memberikan perkhidmatan perubatan percuma kepada masyarakat. Malah, boleh dikatakan setiap pemerintahan sultan ‘Uthmaniyyah akan mewujudkan sebuah wakaf kesihatan atau dikenali sebagai *darüşşifa*, *şifâhâne* atau *bîmâristan*. Binaan ini telah dibina di bandar utama seperti Bursa, Edirne dan Istanbul. Di hospital ini, para pesakit dirawat oleh doktor pakar yang terlatih. Namun begitu, fungsi hospital ini hanya bertahan sehingga pertengahan abad ke-19M ketika hospital dengan gaya Eropah mula bertapak (Ihsanoglu 2001).

Hospital pertama yang dibina oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah dan berunsurkan wakaf kesihatan ialah Hospital Beyazit I yang terletak di Bursa (Shefer-Mossensohn 2003). Ia dibina pada tarikh 12 Mei 1400M dan terletak di bahagian Timur kaki Gunung Olympus, bersebelahan dengan sebuah masjid di dalam kompleks Sultan Yildirim, Bursa. Hospital ini mengambil contoh model hospital dalam kerajaan Saljūq dan ia dinamakan bersempena nama pemerintah pada ketika itu, iaitu Sultan Beyazit I yang memerintah pada tahun 1389M-1402M. Menurut Sari (2005) pakar perubatan di hospital ini dilatih di sekolah perubatan dan mempunyai bilik khusus di dalam hospital tersebut. Penubuhan piagam hospital ini kemudiannya dicatat oleh seorang kadi di Bursa, iaitu Molla Fenâri Mehmed ibn Hamza (Ayduz 2004).

Setelah pusat pemerintahan kerajaan ‘Uthmāniyyah berpindah ke Istanbul pada tahun 1453M, kewujudan institusi wakaf ini telah memenuhi setiap tempat di bandar tersebut. Antara hospital wakaf yang ditubuhkan ialah Hospital Suleymaniye. Menurut Ayduz (2007), hospital ini terletak di sisi sebuah lorong bernama Tiryakiler Carsisi yang memisahkan antara hospital dan sekolah perubatan. Bangunan Hospital Suleymaniye ini dibina bersambung dengan beberapa bangunan lain yang berkaitan dengannya seperti sekolah perubatan, stor ubat-ubatan, tempat rehat bagi pesakit setelah pulih daripada *tabhane* (penyakit mereka) dan *imaret* (dapur awam). Hal ini bagi memudahkan para pelajar sekolah perubatan untuk mempraktikkan terus teori yang mereka pelajari di dalam kelas. Pembinaan sekolah perubatan dan hospital secara bersebelahan di kompleks Suleymaniye ini merupakan hal yang pertama kali dilakukan di Istanbul, malah ia menyerupai hospital universiti pada zaman sekarang. Begitu juga dengan stor ubat-ubatan, dapur awam dan *tabhane* yang berfungsi secara langsung kepada keperluan hospital.

Antara hospital yang ditubuhkan di Istanbul oleh bangsawan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah ialah Hospital Haseki Hürrem yang dibina pada tahun 1550-1558M. Ia dibina oleh seorang arkitek yang masyhur dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah, iaitu *Mimar Sinan* (Isin & Üstündağ 2008). Pengasas binaan ini ialah isteri kepada Sultan Suleyman, iaitu Roxelana yang digelar Haseki Hürrem (Freely 2011). Hospital ini bertanggungjawab dalam merawat pesakit wanita dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya atau menyambut kelahiran bayi. Kebiasaannya, kaum wanita pada zaman ‘Uthmaniyyah lebih memilih untuk dirawat di rumah mereka sendiri berbanding

dirawat di hospital. Namun, keadaan ini berubah apabila Hospital Haseki Hürrem ditubuhkan. Antara pesakit yang mendapat rawatan di hospital ini ialah daripada kalangan wanita yang miskin, gelandangan, orang kurang upaya dan wanita yang tidak mendapat perlindungan (Sari 1996).

Pada kebiasaannya, hospital wakaf yang ditubuhkan ini diasaskan oleh pemerintah iaitu sultan. Namun begitu, terdapat juga hospital yang diwujudkan oleh golongan wanita bangsawan seperti anak perempuan atau isteri kepada sultan. Contohnya ialah seperti Hospital Nurbanu yang merupakan sebahagian daripada kompleks masjid yang dibina pada tahun 1570-1579M oleh arkitek kerajaan ‘Uthmaniyyah terkenal, *Mimar Sinan*. Ia memang direka bentuk untuk menjadi institusi kesihatan dengan mempunyai blok khidmat sosial dan terletak di tengah-tengah dua tingkat laman dalam kompleks tersebut. Setelah siap dibina, hospital ini mula beroperasi seperti mana hospital lain. Namun, disebabkan faktor kerosakan yang tidak dibaiki dan faktor masa, bangunan hospital ini hanya digunakan untuk menempatkan pesakit mental bermula abad ke-19M. Ia menempatkan pesakit mental untuk lelaki manakala pesakit mental wanita diletakkan di ruangan madrasah Dar al-Hadis yang digunakan sebagai bahagian hospital tambahan.

Selain itu, terdapat juga hospital wakaf di Istanbul untuk kanak-kanak, iaitu Hospital Kanak-kanak Hamidiye. Hospital ini ditubuhkan di tengah-tengah kepesatan pembinaan hospital berunsurkan perubatan moden dari Barat yang mahu bertapak di Istanbul. Di bawah pemerintahan dan dana Sultan ‘Abd al-Hamid II, hospital ini dibina untuk menjaga kebajikan rakyat yang miskin dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah pada ketika itu dan diletakkan secara terus di bawah seliaan beliau. Tambahan pula, hospital ini merupakan sebuah binaan yang amat signifikan dan didedikasikan buat anak perempuannya, iaitu Hatice Sultan (Özbek 1999). Hospital ini dibina berlainan daripada hospital dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah yang lain. Hal ini demikian kerana, ia bukanlah sebuah hospital yang turut dibina bersama bangunan lain seperti sekolah perubatan, dapur awam dan masjid seperti mana dalam sebuah kompleks. Sultan ‘Abd al-Hamid II memilih untuk membina Hospital Kanak-kanak Hamidiye ini di atas sebidang tanah kawasan kebun Balmumcu di Şişli. Ia menjadi pilihan beliau kerana kawasan kebun ini mempunyai pemandangan yang cantik menghadap laut Bosphorus dan berdekatan dengan istana beliau di Yıldız. Bandar Şişli merupakan sebuah bandar yang masih belum dipenuhi dengan bangunan seperti di bandar-bandar lain. Oleh kerana itu, terdapat tempat

yang sesuai untuk dijadikan hospital bagi kanak-kanak.

SEJARAH PENUBUHAN HOSPITAL FATIH

Hospital Fatih yang terletak di dalam kompleks Fatih, Istanbul merupakan hospital wakaf pertama yang dibina setelah pusat pentadbiran kerajaan ‘Uthmaniyyah berubah dari Edirne ke Istanbul pada tahun 1453M. Ia siap dibina oleh seorang arkitek berbangsa Greek yang bernama Atik Sinan pada tahun 1470M. Pengasas kepada penubuhan hospital ini ialah Sultan Mehmet II yang memerintah kerajaan ‘Uthmaniyyah pada tahun 1451-1481M. Lokasi hospital ini terletak di atas tapak gereja *Holy Apostles* yang ditawan oleh umat Islam apabila kota Konstantinople jatuh ke tangan tentera Islam (Clark 2010).

Hospital ini mempunyai 80 buah kubah dan 70 buah bilik yang mengasingkan pesakit wanita dengan pesakit lelaki. Terdapat juga ruangan bagi menempatkan pesakit bukan Islam. Untuk melengkapkan petugas di Hospital Fatih ini, Sultan Mehmet II menjemput beberapa doktor daripada luar Istanbul untuk berkhidmat di hospital beliau. Antaranya ialah dua orang doktor lelaki berbangsa Iran yang bernama Qutb al-Dīn al-Ajamī dan Ya‘qūb Pasha. Seorang daripada mereka kemudiannya dilantik sebagai doktor peribadi Sultan Mehmet II sendiri (Ayduz 2007). Kedua mereka merupakan doktor pakar mata, pakar bedah dan juga ahli farmasi. Selain itu, ditugaskan dua orang tukang masak untuk menyediakan hidangan kepada para pesakit di hospital ini (Clark 2010). Selain itu, cara rawatan bagi pesakit mental dan penyakit lain di hospital ini ialah dengan menggunakan muzik. Sebagaimana yang direkodkan pada pertengahan abad ke-15M, Sultan Mehmet II menerima kemasukan para pelarian Muslim, Yahudi dan Kristian yang telah menjadi mangsa penderaan di Andalus oleh pemerintah di sana. Kebanyakan mereka masih lagi trauma dan kemudiannya menjadi pesakit mental yang dirawat di hospital ini. Hospital mental ini juga menampung mangsa-mangsa perang dan tentera yang cedera. Penggunaan muzik ini adalah untuk meredakan kesakitan yang ditanggung oleh mereka. Dana bagi hospital ini diterima melalui pendapatan sultan sendiri, di samping kutipan hasil sewaan daripada kedai-kedai di bawah pemerintahan Sultan Mehmet II. Direkodkan perbelanjaan harian bagi Hospital Fatih ialah kira-kira 200 *akçe* yang kemudiannya dinaikkan kepada 300 *akçe* kerana anggaran itu masih tidak mencukupi

untuk menampung keperluan para pesakit (Shefer-Mossensohn 2003). Hospital ini hilang fungsinya pada tahun 1824M setelah beberapa kali runtuh akibat gempa bumi yang melanda Istanbul.

DANA KEWANGAN HOSPITAL FATIH

Wujud pelbagai sumber kewangan yang membiayai hospital dan kompleks Fatih ini walaupun semua peruntukan ini diletakkan di bawah pengurusan wakaf Sultan Mehmet II. Antaranya ialah daripada kewangan dan pendapatan beliau sendiri. Dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah, sultan memperoleh pendapatan melalui pelbagai sumber yang dikumpul daripada *mālikāne* dan *hasses*, kebun-kebun *hass*, *baltalık*, hasil tanah yang dibangunkan dan hasil cukai berbentuk wang tunai dari wilayah seperti Mesir, Wallachia, Moldavia, Dubrovnik dan Transylvania yang dibayar setiap tahun. Wilayah-wilayah seperti Wallachia, Moldavia, Dubrovnik dan Transylvania ini telah dikuasai oleh Sultan Mehmet II sebaik sahaja Kota Konstantinople dibuka pada tahun 1453M. Buku akaun umum kerajaan ‘Uthmaniyyah merekodkan hasil lebihan (*zevâid-i evkâf*) daripada pendapatan ini membawa kepada penubuhan pelbagai institusi yang memberi manfaat kepada masyarakat (İpşirli 2001: 138). Satu daripada contoh tersebut ialah pembinaan Hospital Fatih di Istanbul.

Hasil pendapatan lebihan kerajaan juga sebahagiannya diberikan untuk aktiviti wakaf ini. Seperti yang direkodkan, hasil kerajaan ‘Uthmaniyyah amat banyak meliputi wilayah-wilayah yang dikuasainya. Menurut Murphey (2012), ekonomi berasaskan produk desa merupakan elemen yang sangat penting untuk Anatolia Barat bermula pada abad ke-14M. Antara perusahaan yang menjadi sumber pendapatan kerajaan ‘Uthmaniyyah ialah eksport kuda, unta dan kambing biri-biri. Hasil eksport ini dianggarkan kira-kira 2.67 juta *akçes* diperoleh untuk setiap tahun. Aktiviti eksport ini dilakukan di antara Barat Daya Anatolia dengan *Venetian Island of Crete*. Selain itu, perusahaan lain yang menjadi sumber ekonomi mereka adalah perlombongan dan garam. Tidak hairanlah belanjawan tahunan kerajaan ‘Uthmaniyyah mempunyai lebihan kerana pendapatan yang diperoleh sebegitu banyak.

Selain itu, sumber dana wakaf ini juga diambil daripada hasil sewaan bangunan seperti *khans*, tempat mandi, *bedestans* (tempat penyimpanan barang berharga seperti barang kemas dan sutera), pasar, kedai-kedai serta rumah-rumah penduduk (Yediyildiz 2001: 521). Menurut Boyar dan Fleet (2010: 145) pula, dana wakaf ini juga diambil

daripada sewaan mesin pengisar, kilang roti, tempat penyembelihan haiwan dan mesin cetak. Ia juga di biayai oleh harta wakaf yang diberikan oleh orang kaya pada waktu itu. Mansel (2011) juga menjelaskan Sultan Mehmet II mengumpulkan dana wakaf untuk kompleksnya melalui hasil pembinaan pasar besar yang mengandungi 110 buah kedai. Di samping itu, Yediyıldız dan Öztürk (1996: 5) menyatakan dana wakaf ini diambil daripada beberapa bangunan perniagaan yang berbeza. Antaranya ialah daripada 4,250 buah kedai-kedai, tiga buah pejabat yang besar, empat buah tempat mandi awam (hamam), tujuh buah villa, sebuah pasar tertutup berserta sembilan taman dan 1,130 buah rumah yang dibina di Istanbul dan di kawasan Galata.

Pengurusan dan pentadbiran wakaf kesehatan ini biasanya diletakkan di bawah seorang pengurus yang dilantik oleh pemerintah atau sultan. Ia ditugaskan untuk menyelia dana wakaf dan membahagi-bahagikannya kepada setiap jabatan yang terdapat di dalamnya. Walau bagaimanapun, wakaf kesehatan ini tetap diletakkan di bawah pengawasan sultan dan pemerintah secara langsung. Di samping itu, semua perkhidmatan, termasuk rawatan pesakit, ubat-ubatan dan penempatan pesakit juga adalah percuma. Lebih menarik lagi apabila semua perkhidmatan ini ditawarkan kepada sesiapa sahaja yang datang ke sana tidak mengira bangsa, agama dan latar belakang kehidupan. Begitu juga halnya dengan Hospital Fatih ini yang termasuk dalam pembiayaan dana wakaf daripada institusi wakaf Sultan Mehmet II secara langsung. Malah, dana wakaf yang disalurkan juga turut mempunyai *wazir* dan mempunyai pembahagian tertentu. Hal ini dipraktikkan sejak dari awal pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah lagi. Sebagai contoh, Sultan Orhan dan Sultan Mehmet II melantik sekumpulan *wazir*, manakala pada zaman Sultan Beyazit II pula beliau melantik seorang *shaykh al-Islam* bagi menyelia dana wakaf tersebut. Berlainan pula dengan wakaf Hürrem Sultan, isteri kepada Sultan Suleyman I yang melantik sida-sida sebagai pengurus wakaf beliau. Untuk sebahagian sultan pula, mereka menubuhkan satu unit khas untuk mentadbir institusi wakaf kepunyaan pemerintah. Bagi institusi wakaf bukan kepunyaan pemerintah yang berada di luar Istanbul, Sultan Mehmet II dan Sultan Murat II melantik penyelia untuk mengawal aktiviti (Deligöz 2014: 181).

Ketua *wazir* yang dilantik oleh kerajaan mempunyai kuasa yang besar dalam urusan wakaf. Antara tugas penting mereka ialah mengamanahkan tugas kepada pemegang amanah rasmi untuk melaksanakan pentadbiran wakaf dengan baik.

Menurut İpşirli (2001: 162), pemegang amanah pertama bagi pentadbiran wakaf kompleks Fatih ialah Mahmûd Pasha. Tradisi ini kemudiannya diteruskan oleh pemegang amanah lain walaupun setelah kemangkatan Sultan Mehmet II pada tahun 1481M. Segala transaksi berkaitan wakaf akan direkodkan dalam dokumen wakaf Sultan Mehmet II begitu juga dengan pembayaran gaji para pekerja hospital. Tugas melantik para petugas, terutama doktor di hospital ini juga dilakukan oleh pengurusan dana wakaf. Kriteria untuk menjadi doktor di hospital ini juga direkodkan dalam dokumen wakaf Sultan Mehmet II. Antaranya ialah mereka perlu mempunyai kelayakan dalam bidang perubatan, tergolong dalam kalangan orang yang dihormati, sentiasa menuturkan perkataan yang baik kepada pesakit dan bersedia melawat pesakit pada bila-bila masa. Selain itu, para doktor perlu mengetahui cara membuat ubatan dan mengawalinya serta mereka perlu mempunyai kepakaran dalam pembedahan dan memahami hal psikologi pesakit (Yediyıldız & Öztürk 1996: 5). Perkara-perkara ini ditetapkan agar setiap daripada doktor bertanggungjawab dan sentiasa memberikan perkhidmatan dan rawatan yang terbaik kepada semua pesakit yang datang kepada mereka.

FUNGSI DAN SUMBANGAN HOSPITAL FATIH

Pelbagai perkhidmatan ditawarkan di Hospital Fatih, termasuk memberikan rawatan kepada pesakit, membekalkan makanan dan ubatan, menyediakan pembelajaran kepada bakal doktor dan menempatkan para pesakit yang tenat. Rawatan kepada pesakit di hospital ini bukan sahaja untuk penyakit-penyakit biasa. Malah, penyakit khusus seperti penyakit mental, bahagian mata, bahagian gigi dan rawatan yang memerlukan pembedahan turut disediakan. Sekiranya dilihat dengan teliti, perkembangan ilmu perubatan dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah sudah lama bertapak dan terdapat pakar perubatan yang menguasai bidang-bidang tertentu dalam perubatan pada ketika itu.

Menurut Kahya dan Erdemir (1997: 37), terdapat beberapa doktor yang mempunyai pengkhususan dan bidang kepakaran dalam merawat pesakit di Hospital Fatih. Mereka terdiri daripada doktor pakar mata, pakar bedah dan ahli farmasi. Selain itu, terdapat juga beberapa doktor yang ditugaskan tanpa pengkhususan mana-mana penyakit. Oleh itu, dapat diketahui di hospital ini telah memberikan rawatan kepada penyakit-penyakit yang tertentu bukan sahaja penyakit-penyakit biasa. Malah, berkemungkinan juga aktiviti saintifik tentang penyakit dan penghasilan

ubat-ubatan turut dijalankan. Di samping itu, dengan kehadiran pakar bedah di hospital ini menunjukkan rawatan menggunakan kaedah pembedahan telah dipraktikkan dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah melalui hospital wakafnya. Hospital ini turut menyediakan ubat-ubatan dan makanan untuk para pesakit yang tinggal di wad. Mereka diberi ubat-ubatan dan makanan mengikut kesesuaian diri dan penyakit masing-masing. Peranan menyediakan makanan dipertanggungjawabkan kepada staf di dapur awam kompleks Fatih. Selain memasak untuk makanan orang awam, mereka juga perlu meyiapkan makanan kepada pesakit dan staf hospital. Bagi keselesaan para pengunjung hospital, kompleks ini menyediakan *karavanseri* untuk para musafir atau ahli keluarga pesakit yang dirawat oleh hospital ini untuk bermalam. Ruangan pesakit lelaki diasingkan daripada ruangan pesakit perempuan. Manakala pesakit yang tenat pula ditempatkan di tempat khusus (Günüş 2007). Keadaan ini sama seperti di hospital-hospital pada zaman sekarang.

Selain itu, terdapat kemungkinan rawatan untuk pergigian telah dijalankan di hospital ini. Menurut Çolaklar (2014), kaedah rawatan pergigian telah mula dilaksanakan dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah pada abad ke-13M. Karya pakar perubatan bernama Bereket, iaitu *Tuhfe-i Mubarizi* dan *Hulasa* telah dihasilkan dengan menekankan aspek pergigian seperti ulser mulut, masalah mulut berbau dan sebagainya. Hal ini juga berterusan pada abad ke-15M dengan kemunculan karya pergigian seperti *Alaim-i Cerrahî* yang dihasilkan oleh Cerrah İbrahim. Malah, buku Cerrahiyetül Haniyye juga turut membincangkan rawatan pergigian ini. Ia kemudiannya berterusan dipraktikkan pada abad ke-16M, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Suleyman dengan kewujudan penulisan kitab *Fi’l Tibb El-Esnan* yang dihasilkan oleh Musa Hamun.

Dalam penulisan Kipay (t.th.) serta Erdal dan Erbaş (2013), mereka meyakini Hospital Fatih merupakan satu daripada hospital dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah yang merawat pesakit mental. Hal ini berkemungkinan dengan berlakunya siri-siri peperangan yang berlaku membabitkan rakyat kerajaan tersebut. Selain itu, abad ke-15M memperlihatkan kejatuhan pemerintahan Islam di Andalus dan digantikan dengan pemerintah Kristian. Penduduk yang tidak menyokong pemerintahan dan berlainan agama dengan pemerintahnya, permaisuri Isabella dipaksa untuk keluar daripada Andalus. Hal ini membuatkan Sultan Mehmet II merasa simpati dengan nasib mereka lalu menjemput semua pelarian tersebut berlindung di bawah pemerintahannya.

Bidang perubatan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan Hospital Fatih. Hal ini demikian kerana, hospital tersebut merupakan tempat pembelajaran dan praktikal kepada para pelajar perubatan. Situasi ini bukanlah suatu perkara yang asing dalam hospital-hospital kerajaan ‘Uthmāniyyah dan Anatolia Saljūq yang mengamalkan sistem hospital universiti seperti sekarang. Berbeza dengan sekolah perubatan Suleymaniye yang muncul kira-kira 100 tahun setelah itu yang memisahkan bangunan hospital dan *dār al-tibb* (sekolah perubatan) dalam kompleks Suleymaniye. Malah, ia lebih khusus menumpukan kepada para pelajar yang mengambil jurusan perubatan sahaja. Menurut Sari (2005: 3), di Hospital Fatih, guru digelar sebagai *darsiam*, manakala murid digelar sebagai *tabib shaqirdi*. Para pelajar ditempatkan di dua buah bilik untuk penempatan mereka yang disebut *balahane*.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati Hospital Fatih merupakan hospital wakaf pertama yang dibina dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah ketika pusat pentadbiran kerajaan ini bertapak di Istanbul. Ia dibina bersama-sama beberapa unit lain di dalam kompleks Fatih yang terletak di atas bukit yang mengelilingi Istanbul. Tapak kompleks tersebut merupakan tanah kerajaan yang diubah menjadi tanah wakaf oleh Sultan Mehmet II, iaitu pemerintah kerajaan ‘Uthmāniyyah pada ketika itu. Beliau mengasaskan pembinaan hospital ini dan meminta arkiteknya, Atik Sinan untuk mereka pelan bangunan tersebut yang siap sepenuhnya pada tahun 1470M. Berikutan daripada kewujudan kompleks ini, Sultan Mehmet II menyediakan satu dana khas untuk menampung segala perbelanjaan dan operasinya dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Sumber dana hospital ini yang dijana daripada harta wakaf sedikit sebanyak memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Dalam hal ini, Sultan Mehmet II juga tidak ketinggalan untuk menyumbang sedikit hasil pendapatan tahunan beliau yang didapati daripada hasil cukai dari luar negara. Selain itu, beliau juga membina bangunan-bangunan wakaf yang hasil sewaan akan dijadikan sebagai sumber dana untuk hospital ini seperti kilang, pasar dan tempat mandi awam. Di samping itu, terdapat juga peralatan yang disewakan kepada orang ramai untuk dijadikan dana wakaf seperti pengisar. Bagi menjaga dana wakaf Sultan Mehmet II ini, ia diberikan kepada seorang *wazir* dan beliau akan melantik seorang pemegang amanah bernama

Mahmûd Pasha untuk mengurus tadbir dana tersebut. Dana wakaf yang disalurkan kepada hospital ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan seperti makanan, gaji pekerja, pembaikan hospital dan kegunaan bahagian-bahagian hospital.

Kajian ini juga mendapati sumbangan dan fungsi Hospital Fatih pada abad ke-15M banyak dilihat dari segi bidang sains perubatan. Walaupun sebelum ini kerajaan ‘Uthmāniyyah telah pun menggerakkan keilmuan sains dalam masyarakat mereka, namun begitu perkembangan pesat berkaitan sains dan teknologi mula berlaku ketika Istanbul menjadi pusat pentadbiran kerajaan tersebut. Antara fungsi Hospital Fatih ialah seperti merawat pesakit, menyediakan ubat-ubatan, melatih para doktor dan menjadi tempat mengajar subjek perubatan kepada pelajar perubatan. Bagi makanan untuk hospital, dana wakaf memperuntukkan sejumlah wang untuk membeli bahan-bahan masakan, manakala pihak dapur awam ditugaskan memasak makanan. Uniknyanya, hospital ini turut menyediakan makanan dan tempat rehat buat pelawat pesakit di hospital. Selain itu, di Hospital Fatih juga merupakan tempat aktiviti sains berkembang terutama dalam bidang perubatan. Hal ini berlaku lebih-lebih lagi apabila seorang pakar perubatan dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah yang bernama Şerefeddin Sabuncuoğlu menghadiahkan karya perubatan, iaitu *Cerrahiyetül Haniye* kepada Sultan Mehmet II. Buku tersebut merupakan manual bergambar dan berwarna tentang penyakit dan cara mengubatinya, termasuk disertakan juga teknik pembedahan untuk sebahagian penyakit. Ia menjadi rujukan kepada doktor-doktor dalam merawat pesakit dan menghasilkan ubat-ubatan.

KESIMPULAN

Kepesatan perkembangan ilmu pengetahuan sains dan teknologi dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah telah bermula pada awal abad ke-15M lagi. Melalui penubuhan ratusan institusi wakaf yang dibina oleh pemerintah, masyarakat mendapat kemudahan dan keselesaan untuk hidup secara berterusan. Dengan kewujudan Hospital Fatih yang didanai hasil wakaf, bukan sahaja rakyat mendapat rawatan percuma, bahkan para ilmuwan dalam bidang perubatan juga dapat mengembangkan ilmu mereka kepada para pelajar. Setelah gempa bumi yang berlaku sebanyak tiga kali di Istanbul, bangunan hospital ini juga turut terjejas. Oleh kerana institusi ini konsisten memberi perkhidmatan kepada masyarakat, pemerintah kerajaan ‘Uthmaniyyah pada ketika itu telah

membaiki struktur kompleks yang rosak, termasuk hospital ini. Walaupun bentuk fizikal asal Hospital Fatih tidak dapat dilihat pada masa sekarang, namun begitu ia tercatat dalam rekod sejarah sebagai satu daripada institusi terunggul suatu masa dahulu. Namun begitu, institusi wakaf Sultan Mehmet II yang menampung perbelanjaan aktiviti Hospital Fatih dan pembiayaan madrasah ini masih digerakkan sehingga kini oleh pihak pemerintah Turki.

RUJUKAN

- Ayduz, S. 2004. Science and related institutions within the Ottoman administration during the classical period. *Foundation for Science Technology and Civilisation*. April: 1-20. <http://www.muslimheritage.com/uploads/OttomanInstitutions2.pdf> [17 Oktober 2014].
- Ayduz, S. 2007. Süleymaniye Medical Madrasa (Dār al-Tib) in the history of Ottoman medicine. *Foundation for Science Technology and Civilisation*. May: 1-16.
- Ayduz, S. 2012. Ottoman contributions to science & technology: Some Examples from medicine, astronomy and geography. <http://www.thedeeninstitute.com/multimedia/articles/84-ottoman-contributions-to-science-technology-some-examples-from-medicine-astronomy-and-geography.html> [21 Disember 2014].
- Babinger, F. 1992. *Mehmed the Conqueror and His Time* Terj. Ralph Manheim. New Jersey: Princeton University Press.
- Barnes, J.R. 1987. *An Introduction to Religious Foundations in The Ottoman Empire*. Leiden: E.J. Brill.
- Boyar, E. & Fleet, K. 2010. *A Social History of Ottoman Istanbul*. New York: Cambridge University Press.
- Clark, P. 2010. *Istanbul: A Cultural and Literary History*. Oxford: Signal Book Ltd.
- Çolaklar, H. 2014. History of dentistry from the period of the Ottoman Empire to The Republican Period. *Journal of Pharmacy and Pharmacology* 2: 679-694.
- Deligöz, H. 2014. The legacy of vakıf institutions and the management of social policy in Turkey. *Administrative Culture* 15(2): 179-203.
- Düzbakar, O. 2006. Charitable women and their pious foundations in the Ottoman empire: The hospital of the senior mother, Nurbanu Valide Sultan. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine* 5: 11-20.
- Erdal, G. & Erbaş, İ. 2013. Darüşşifas where music therapy was practiced during Anatolian Seljuks and Ottomans. *Journal of History Culture and Art Research* 2(1): 1-20.
- Freely, J. 2011. *A History of Ottoman Architecture*. Southampton: WIT press.
- Günüç, F. 2007. *The Fâtih Complex I in the history of Turkish Culture and Civilization: Mosque, Madrasahs, Tombs, Library, Darul Kurra, Guesthouse*. Istanbul: Kültür A.Ş.

- Gürbüz, M.V. 2012. Ottoman vakıfs: Their impact on Ottoman society and Ottoman land regime. *Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi* 21(1): 201-212.
- Ihsanoglu, E. (pnyt.). 1995. *Bibliography on Manuscript Libraries in Turkey and the Publications on the Manuscripts Located in these Libraries*. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture.
- Ihsanoglu, E. (pnyt.). 2001. *History of The Ottoman State Society & Civilisation*. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture.
- Ihsanoglu, E. 2008. Science in the ottoman empire. *Journal of Social Studies*, 201-225. [http://journals.manas.edu.kg/mjtc/oldarchives/2004/23_790-2055-1 PB . pdf \[27 Oktober 2014\]](http://journals.manas.edu.kg/mjtc/oldarchives/2004/23_790-2055-1 PB . pdf [27 Oktober 2014]).
- Isin, E. & Üstündağ, E. 2008. Wills, deeds, acts: Women's civic gift-giving in Ottoman empire. *Gender, Place & Culture: A Journal of Feminist Geography* 15(5): 519-532.
- Inalçık, H. 1973. *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. London: Phoenix Press.
- Inalçık, H. 2012. *The Survey of Istanbul, 1455 the Text, English Translation, Analysis of the Text, Documents*. Istanbul: Türkiye İş Bankası Kültür Yayınları.
- İpşirli, M. 2001. Ihsanoglu, E. (pnyt.). *History of The Ottoman State Society & Civilisation*, hlm. 152-282. Jil. 1. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture.
- Jones, W.R. 1981. *Waqf, maristan and the clinical observation of disease. Proceeding of the First International Conference on Islamic Medicine: Celebrating the Advent of the Fifteenth Hijri Century*, hlm. 230-233.
- Kahya, E. & Erdemir, A.D. 1997. *Medicine in the Ottoman Empire (and other scientific developments)*. Istanbul: Nobel Medical Publications LTD ŞTI.
- Kipay, S.S. t.th. Treatment with music during the old period and in Anatolia. [https://www.academia.edu/4108201/Treatment_with_Music_During_the_Old_Turkish_Period_and_in_Anatolia \[21 Disember 2014\]](https://www.academia.edu/4108201/Treatment_with_Music_During_the_Old_Turkish_Period_and_in_Anatolia [21 Disember 2014]).
- Mansel, P. 2011. *Constantinople: City of The World's Desire 1453-1924*. London: JohnMurray.
- Murphey, R. 2012. *The Ottoman Economy in the Early Imperial Age*. London & New York: Routledge
- Özbek, N. 1999. The politics of poor relief in the late Ottoman empire 1876-1916. *New Perspectives on Turkey* 21: 1-33.
- Öztürk, N. 2000. The wakf in the Ottoman period: a social policy perceptive. *Cicek* 3(1): 790-800.
- Saoud, R. 2004. Muslim architecture under Ottoman patronage (1326-1924). *Foundation for Science Technology and Civilisation* July: 1-26.
- Sari, N. 1996. Women dealing with health during the Ottoman reign. [http://www.muslimheritage.com/article/women-dealing-health-during-ottoman-reign \[4 Ogos 2015\]](http://www.muslimheritage.com/article/women-dealing-health-during-ottoman-reign [4 Ogos 2015]).
- Sari, N. 2005. Educating the Ottoman physician. *Foundation for Science Technology and Civilisation* August: 1-21.
- Sayili, A.M. 1941. The institutions of science and learning in the moslem world. Tesis Ph.D. University of Harvard.
- Shefer-Mossensohn, M. 2003. Charity and Hospitality: Hospitals in the Ottoman Empire in the Early Modern Period. *Poverty and Charity in Middle Eastern Contexts*. Albany: New York Press
- Shefer-Mossensohn, M. 2009. *Ottoman Medicine: Healing and Medical Institutions (1500-1700)*. Albany: State University of New York Press.
- Toraman, C., Tuncsiper, B. & Yilmaz, S. 2007. Cash *awqaf* in the Ottoman as philanthropic foundations and their accounting practices. *The Journal of Accounting and Finance*, 1-19. [http://journal.mufad.org/attachments/article/452/7.pdf \[13 Ogos 2015\]](http://journal.mufad.org/attachments/article/452/7.pdf [13 Ogos 2015]).
- Yediyıldız, B. & Öztürk, N. 1996. "The Habitable Town" and Turkish *waqf* system. *Habitat II*. Istanbul, 12 April.
- Yediyıldız, B. 2000. Turkish wakf, or turkish system of charities in the Ottoman era.
- Yediyıldız, B. 2001. Ottoman society with respect to settlement patterns. Dlm. Ihsanoglu, E. (pnyt.). *History of The Ottoman State Society & Civilisation*, hlm. 520-525. Jil. 1. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture.

Nur Ainul Basyirah Alias
 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 ainulmardhiah9@gmail.com

Ermy Azziaty Rozali
 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 ermy@ukm.edu.my